

FPEP UMS buka kiosk perniagaan makanan segera

NST 17.2.2016 8

KOTA KINABALU: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) jalankan kerjasama dengan syarikat Borneo Food Chain melalui pembukaan kiosk perniagaan di fakulti tersebut.

Perniagaan makanan segera berteraskan ikan segar yang telah siap diproses tu dijalankan sepenuhnya oleh para pelajar program Pengurusan Kewangan dan Perbankan (HE06) melalui Exco Keusahawanan, FM-BC Bizhub.

Melalui kerjasama tersebut, Borneo Food Chain berperanan dalam menyediakan kemudahan seperti latihan operasi perniagaan, serta fasiliti perniagaan dan kewangan kepada

para pelajar.

Bagi memastikan kualiti makanan dan penyampaian sentiasa terjamin, para pelajar yang terlibat diberi latihan yang mencukupi daripada pelbagai aspek seperti penyimpanan rekod kewangan, pakaian, penyediaan dan penyampaian makanan.

Ketua Program HE06, Amer Azlan Abdul Jamal berkata jalinan usaha sama itu merupakan 'capstone activity' bagi program HE06 yang memberi peluang kepada para pelajar untuk mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari di dalam kuliah kepada satu bentuk pengalaman menjalankan perniagaan yang sebenar.

"Penglibatan pelajar kita dalam perniagaan

bukanlah semata-mata kerana keuntungan, malah lebih daripada itu. Melaluiinya, pelajar kita berpeluang mengaplikasikan ilmu kognitif, afektif dan psikomotor yang telah mereka perolehi ketika di dalam kuliah, yang mana melibatkan penggunaan arahan, analisis, sintesis pengetahuan serta kemahiran.

Selain itu, projek ini menyediakan platform baharu kepada para pelajar HE06 untuk menjana pendapatan bagi tujuan penganguran aktiviti kelab di masa hadapan selain memberi peluang kepada para pelajar untuk menambah duit poket mereka," ujarnya.

Bagi Dekan FPEP, Profesor Dr. Rasid Mail, jalinan kerjasama di antara FPEP dan Borneo Food Chain itu bermanfaat kepada

para pelajar kerana ianya mampu mencambah minat mereka untuk terlibat dalam aktiviti berunsurkan keusahawanan sekaligus memadamkan mentaliti 'makan gaji'.

"Ini secara tidak langsung juga menyokong dasar universiti yang sentiasa mahu melihat warganya bergiat aktif di dalam aktiviti yang boleh menjana pendapatan," tambahnya.

Antara produk yang dijual adalah bebola ikan goreng, nugget ikan, wantan ikan, seafood tofu, fish cake, serta keropok ikan.

Masa operasi adalah pada hari Isnin hingga Sabtu, bermula jam 7.30 pagi hingga 4.30 petang bertempat di foyer Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan.



PERASMIAN Kiosk Perniagaan Borneo Food Chain di FPEP yang disempurnakan oleh Dr Arif Kamisan, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar & Pascasiswazah, FPEP).



AKTIVITI perniagaan harian Kiosk Perniagaan Borneo Food Chain yang dikendalikan sepenuhnya oleh para pelajar FPEP.